

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 05.02.2024 MASA: 10.08 AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN & TAKLIMAT "GRPB  
CHAMPION AWARD MBSP 2024: EDISI HIBRID"**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**07 FEBRUARI 2024 (RABU)**  
**11.00 PAGI**

**AUDITORIUM**  
**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada pagi ini untuk bersama-sama dalam **Majlis Pelancaran dan Taklimat “GRPB Champion Award MBSP 2024: Edisi Hibrid”** di Auditorium Menara Bandaraya MBSP.
2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) kerana sentiasa memberi jalinan kerjasama yang baik sepanjang pelaksanaan dan penginstitusian GRPB di MBSP serta dalam menganjurkan pertandingan anugerah ini.
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah bekerjasama dengan PWDC dalam melaksanakan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012. Pelaksanaan *GRPB The Penang Model* ini adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

4. Kaedah pelaksanaan GRPB merangkumi dialog bersama penduduk dan komuniti, pengumpulan data yang lebih sistematik yang membolehkan penilaian perbelanjaan bajet mengikut gender dan menjalankan *Beneficiary Impact Assessment* (BIA) selepas pelaksanaan projek atau program bagi memastikan projek atau program yang dilaksanakan memenuhi keperluan dan kehendak rakyat Seberang Perai.
5. MBSP juga dari semasa ke semasa menjalinkan kerjasama yang erat dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dalam melaksanakan program-program yang melibatkan komuniti di Seberang Perai bagi mendokong Dasar Keterangkuman Gender Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
6. Bagi menyokong Dasar Keterangkuman Gender, MBSP telah menubuhkan Unit Keterangkuman Gender yang pertama di Malaysia bagi memastikan keseimbangan gender di MBSP mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada lelaki dan wanita.
7. Pelbagai projek / program yang mengaplikasikan GRPB telah diadakan oleh setiap jabatan. MBSP komited untuk memastikan

kesaksamaan gender dalam setiap program / projek pembangunan di bawah MBSP.

8. “*GRPB Champion Award*” diperkenalkan pada tahun 2019 iaitu tahun ke-lapan pelaksanaan GRPB di MBSP, demi memperkukuh dan mengarus perdanakan GRPB dalam pembuatan keputusan di peringkat MBSP. Dengan erti kata lain, pertandingan ini adalah landasan bagi jabatan / bahagian / unit dalaman MBSP untuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan projek / program dengan mendapatkan penyertaan atau partisipatori daripada rakyat Seberang Perai sebelum dinilai oleh juri-juri profesional dalam bidang yang berbeza dan juga juri-juri awam. Tahun ini merupakan kali ketiga MBSP dengan kerjasama PWDC menganjurkan “*GRPB Champion Award*”.
9. *GRPB Champion Award 2020 – 2021* telah melibatkan penyertaan daripada 16 Jabatan / Bahagian / Unit dalam MBSP. Pemenang *Top 5 GRPB Champion Award 2020 – 2021* adalah Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Direktorat Penguatkuasaan.
10. Matlamat mengadakan *GRPB Champion Award* adalah:-

- i. Mengarusperdanakan GRPB dalam pembuatan keputusan di peringkat MBSP.
- ii. Memastikan matlamat “Kelompok Berlainan, Keperluan Berbeza” dapat dijiwai dan difahami oleh kakitangan MBSP dan komuniti Seberang Perai.
- iii. Melibatkan penyertaan lelaki dan wanita, kanak-kanak, belia, dewasa, warga emas, OKU dan semua lapisan masyarakat dalam pembuatan keputusan, program / projek pembangunan dan pengagihan Bajet supaya tiada sesiapa dalam komuniti yang ditinggalkan atau *no one should be left behind*.
- iv. Memupuk *sense of ownership* penduduk Seberang Perai apabila mengambil kira pendapat dan suara komuniti dalam perancangan Bajet dan program / projek.

11. Pertandingan kali ini terdapat perbezaan iaitu edisi hibrid di mana ia terbuka kepada Jabatan / Bahagian / Unit dalaman MBSP atau gabungan Jabatan / Bahagian / Unit yang telah atau sedang melaksanakan projek, program atau aktiviti mengikut mekanisme GRPB dari bulan Julai 2023 hingga 31 Disember 2024. Para peserta boleh memilih untuk bertanding berdasarkan kategori yang ditetapkan iaitu Ekonomi dan Sosial, Alam Sekitar dan Perkhidmatan Pintar. Peserta untuk kesemua kategori ini boleh memasukkan elemen Misi, Visi, Dasar MBSP dan *Seberang Perai Corporate Priorities* berserta

elemen Dasar Keterangkuman Gender, Penang2030 dan juga SDG ke dalam projek / program / aktiviti mereka.

12. Pemarkahan akan dibuat oleh Juri Profesional, manakala pemarkahan oleh Juri Awam akan melibatkan pembentangan akhir Kumpulan *Top 3* untuk setiap kategori. Penyampaian hadiah kepada pemenang akan dilaksanakan dalam bulan Jun 2025. Hadiah juara bagi setiap kategori adalah berupa Piala Pemenang dan wang tunai sebanyak RM7,000.00. Manakala setiap penyertaan akan diberikan wang tunai sebanyak RM500.00 berserta medal dan sijil penyertaan untuk setiap ahli Kumpulan.
13. Harapan saya adalah setiap jabatan dan unit yang bertanding dapat menjadikan penilaian dan komen dari juri-juri profesional sebagai panduan dan pembakar semangat untuk membudayakan GRPB di jabatan dan unit masing-masing. Membudayakan bererti membiasakan dan menjadikan GRPB sebagai amalan, bukan lagi dilihat sebagai bebanan atau tambahan kerja.
14. Sebagai Datuk Bandar Seberang Perai, besarlah harapan saya agar pertandingan "*GRPB Champion Award*" ini mendapat penyertaan dari semua Jabatan / Bahagian / Unit agar penginstitusian GRPB dapat direalisasikan.

15. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ahli Majlis-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, bakal-bakal peserta daripada jabatan / bahagian / unit dalaman MBSP, dan pasukan PWDC atas sokongan untuk penganjuran *GRP B Champion Award* kali ini.
  
16. Sama-sama kita terus berusaha untuk menjadikan MBSP lebih cemerlang serta berkesan dan seterusnya akan memberi impak yang jitu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat di Seberang Perai. Kita juga perlu terus sentiasa meningkatkan usaha kreatif dan berdaya cipta dalam mencari ruang untuk menyumbang kepada kemampuan organisasi MBSP dan kesejahteraan Negeri Pulau Pinang.
  
17. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, sukacitanya saya melancarkan Pertandingan "***GRP B Champion Award MBSP 2024: Edisi Hibrid***".

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***